

**PEMAKLUMAN FENOMENA GERHANA MATAHARI SEPARA  
DAN SOLAT SUNAT GERHANA PADA  
20 APRIL 2023 M / 29 RAMADAN 1444H ( KHAMIS )  
DI NEGERI PERAK**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Gerhana Matahari Separa akan berlaku pada 20 April 2023 M / 29 Ramadan 1444H ( Khamis ). Gerhana ini akan dapat dilihat di seluruh Malaysia, Indonesia, Brunei hinggalah ke Australia. Bagi sebahagian negara Indonesia dan Australia mereka akan dapat melihat fasa gerhana penuh dan cincin (*Hybrid*). Namun bagi negeri Perak, kita akan dapat melihat gerhana ini hanya pada fasa separa iaitu bermula jam 11.13 am dan berakhir pada jam 12.42 pm. Manakala kemuncak gerhana adalah pada jam 11.57 am dengan bulan akan menutupi matahari dalam 5.3%. Tempoh masa berlakunya gerhana hanyalah 1 jam 29 minit.

Bagi melihat gerhana matahari ini, maka kita boleh merujuk langit di sebelah timur dengan merujuk kedudukan matahari. Sebagai panduan, gerhana matahari separa tidak boleh dilihat dengan mata kasar kerana cahaya matahari masih terlalu kuat. Ia hanya boleh dilihat dengan menggunakan kaca mata khas atau penapis khas cahaya matahari. Maka dinasihatkan agar masyarakat tidak melihat secara langsung kepada matahari kerana ia boleh menjejaskan mata seseorang.

Bagi umat Islam pula, mereka sangat disarankan untuk melaksanakan solat sunat gerhana matahari ( Solat Kusuf) bermula jam 11.13 am dan berakhir pada jam 12.42 pm. Solat sunat ini boleh dilaksanakan secara bersendirian atau berjemaah.

Maka dengan itu, semua masyarakat agar dapat mengambil ibrah dari fenomena gerhana ini sebagai salah satu tanda kebesaran Allah SWT terutama dalam keberadaan umat Islam dalam Ramadan dan bakal menyambut bulan Syawal.

Disediakan Oleh:  
Bahagian Falak,  
Jabatan Mufti Negeri Perak

**RINGKASAN FENOMENA GERHANA MATAHARI SEPARA**  
**TARIKH : 20 APRIL 2023 M / 29 RAMADAN 1444H ( KHAMIS )**


Mula Gerhana : 11.13 am  
Tamat Gerhana : 12.42 pm

**KEMUNCAK GERHANA**  
Kemuncak Gerhana : 11.57 am  
Litupan : 5.3%

**WAKTU SOLAT GERHANA**  
Mula : 11.13 am  
Tamat : 12.42 pm

( Hitungan ini dibuat berdasarkan latitud dan longitud Ipoh, Perak )

**GAMBAR MENUNJUK FASA-FASA GERHANA MATAHARI**



**PENAPIS MATA KHAS UNTUK MELIHAT GERHANA**

